

## IGM GSM 3<sup>rd</sup> National Workshop on Coastal and Marine Geology 2021

Tema : Towards Sustainable Coastal and Marine Management

Tarikh : 30 Ogos 2021

Masa : 0800 - 1700


Medium : Zoom

Jumlah peserta : 180 peserta

**Ringkasan program:** Program 3<sup>rd</sup> National Workshop on Coastal and Marine Geology, 2021, telah berlansung secara atas talian pada 30 Ogos 2021. Bengkel ini adalah anjuran bersama Persatuan Geologi Malaysia (GSM), Institut Geologi Malaysia (IGM), Jabatan Geosains (UTP), UTP-ERASMUS+ (MARE) dan telah dikendalikan oleh Academy GEX. Bengkel ini telah dihadiri seramai 180 peserta dari pelbagai latarbelakang termasuk para pelajar siswazah dan pasca-siswazah, agensi-agensi kerajaan dan pemain industri yang berkaitan. Bengkel ini telah dimulakan oleh ucapan aluan dari pengarah bengkel P.Geol. En. Mohamad Shaufi Sokiman (M.I.G.M) (UTP) dan kemudiannya disusuli oleh ucapan dari penasihat bengkel iaitu P.Geol. En. Abdullah Sulaiman (F.I.G.M) (JMG). Bengkel seterusnya telah dibuka secara rasmi oleh P.Geol. En. Ahmad Nizam Hasan (F.I.G.M), Presiden Persatuan Geologi Malaysia (GSM).

Mengangkat tema pembangunan lestari zon pesisir pantai, bengkel telah dibahagikan kepada 4 sesi di mana 3 sesi teknikal telah dipecahkan mengikut tema iaitu sesi 1 – (Coastal & Marine Development from Geological Perspective), sesi 2 – (Coastal Issues, Protection and Adaption), sesi 3 – (Coastal Resources & Sustainable Management) dan Sesi 4 (Panel Session). Sesi 1 telah dikemudi oleh P.Geol. Dr. Khaira Ismail (M.I.G.M) (UMT) bersama ahli panel yang terdiri daripada P.Geol. Noran Alwakhir Shaarani (M.I.G.M) (JMG) (Coastal Geological Hazard Mapping), P.Geol. A.P. Dr. Hasrizal Shaari (M.I.G.M) (UMT) (Coastal Pollution), P.Geol. Dr. Ferdaus Ahmad (JMG) (Engineering Geology on Coastal Zone) dan Professor Madya Dr. Edlic Sathiamurthy (UMT) (Delta Environment).

Sesi 2 pula telah dikemudi oleh Dr. Effi Helmy Ariffin (UMT) bersama barisan ahli panel yang terdiri daripada Ir. Iwan Tan Sofian Tan (Dr Nik & Associates Sdn. Bhd.) (Coastal Development Projects & Their Impacts to Coastal Environment), Dr. Lee Hin Lee (NAHRIM) (Sea Level Rise & Impact to Coastal Environment), Dr. Khamarrul Azahari Razak (UTM) (Coastal Hazards) dan Ir. Arman Mokhtar (JPS) (Integrated Coastal Zone Management). P.Geol. Muhammad Mustadza Mazni (M.I.G.M) (JMG) telah mengemudi sesi teknikal terakhir iaitu sesi 3 dimana



### BERITA-BERITA PERSATUAN (NEWS OF THE SOCIETY)

sesi ini telah mengumpulkan ahli-ahli panel yang terdiri daripada P.Geol. Dr. Dana a/k Badang (M.I.G.M) (JMG) (Coastal resources - Geosite & Geopark), Dr. A. Aldrie Amir (LESTARI – UKM) (Coastal Resources - Mangrove) dan Prof. Dr. Wan Izatul Asma binti Wan Talaat (INOS-UMT) (Marine Spatial Planning) (Law & Regulation).

Bengkel diteruskan dengan sesi perbincangan panel yang telah dikemudi sendiri oleh P.Geol. En. Abdullah Sulaiman (F.I.G.M) (JMG). Sesi perbincangan panel telah disertai oleh Prof. Dr. Wan Izatul Asma binti Wan Talaat (INOS-UMT), Dr. A. Aldrie Amir (LESTARI – UKM) dan Dr. Khamarrul Azahari Razak (UTM). Sesi perbincangan panel menyaksikan pelbagai komen dan pendapat telah dilontarkan oleh ahli-ahli panel berkaitan permasalahan terkini dan jalan penyelesaian yang harus dan sewajarnya diambil bagi memastikan kelestarian pembangunan zon pantai dapat dicapai.

Usai sesi perbincangan panel, para ahli panel dan peserta beralih ke acara penutupan bengkel yang telah dizahirkan oleh P.Geol. Gs. En. Abd Rasid Jaapar, F.I.G.M, FGS, MIGRSM, selaku Presiden Institut Geologi Malaysia. Dalam ucapan penutupan beliau, En. Abd Rasid Jaapar telah menekankan akan kepentingan penglibatan pelbagai pihak dalam menjamin kelestarian pembangunan utamanya bagi kawasan pesisir pantai di masa hadapan. Sesi seterusnya diakhiri dengan sesi bergambar secara maya bersama para peserta yang hadir.